
KETUHAR GELOMBANG MIKRO

Panduan Pemilik dan Garis Panduan Memasak

CE2933N



Code No. : DE68-00199A

Panduan Carian Pantas

Sekiranya anda mahu memasak makanan



1. Masukkan makanan ke dalam ketuhar.
   Pilih aras kuasa dengan menekan butang **Power level** sekali atau lebih daripada sekali.




2. Pilih masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** atau **10s** seperti yang dikehendaki.




3. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya : Proses memasak bermula.
   Ketuhar berbunyi bip empat kali apabila proses memasak selesai.

Sekiranya anda mahu mencairbekukan makanan



1. Masukkan makanan dingin beku ke dalam ketuhar.
   Tekan butang **AUTO DEFROST** sekali atau lebih daripada sekali menurut jenis makanan yang hendak dicairbekukan.



2. Pilih berat dengan menekan butang **kg** dan **g** seperti yang dikehendaki.



3. Tekan butang **Start**.

Sekiranya anda mahu menambah masa




Biarkan makanan di dalam ketuhar. Tekan **+30s** sekali atau lebih daripada sekali untuk setiap 30 saat tambahan yang anda mahu tambah.

Sekiranya anda mahu menggril makanan



1. Panaskan gril terlebih dahulu pada suhu yang dikehendaki dengan menekan butang **Grill** dan kemudian tekan butang 10min, 1min dan 10s.




2. Letakkan makanan di atas rak di dalam ketuhar.
   Tekan butang **Grill**. Pilih masa memasak dengan menekan butang 10min, 1min dan 10s.




3. Tekan butang **Start**.

Ketuhar



Panel Kawalan




1. MEMILIH BUTANG PEMANAS AUTOMATIK
2. PILIHAN MEMANAS SEMULA SEGERA / MEMASAK
3. PILIHAN CIRI CAIR BEKU AUTOMATIK (AUTO DEFROST)
4. PILIHAN MOD GRIL
5. SETING JAM
6. SETING MASA
7. BUTANG STOP/PAUSE
8. MEMILIH BUTANG PENGUKUS
9. PILIHAN BERAT
10. PILIHAN MOD GABUNGAN
11. PILIHAN MOD GELOMBANG MIKRO
12. BUTANG MULA


MA

Aksesori


Bergantung kepada model yang anda beli, anda diberikan beberapa aksesori yang boleh anda gunakan dalam pelbagai cara.




1. **Pengganding**, sudah diletakkan di atas aci motor pada dasar ketuhar.
   Tujuan: Pengganding memutarkan pinggan putar.



2. **Gelang penggguling**, perlu diletakkan di tengah-tengah ketuhar.
   Tujuan: Gelang pengguling menyangga pinggan putar.



3. **Pinggan putar**, perlu diletakkan di atas gelang pengguling dengan bahagian tengahnya termuat di atas pengganding.
   Tujuan: Pinggan putar berfungsi sebagai permukaan memasak yang utama, ia boleh dikeluarkan dengan mudah untuk dibersihkan.



4. **Rak logam**, perlu diletakkan di atas pinggan putar.
   Tujuan: Rak logam boleh digunakan untuk memasak dua hidangan serentak. Satu hidangan boleh diletakkan di atas pinggan putar dan satu lagi di atas rak. Rak logam boleh digunakan untuk memasak menggunakan gril dan memasak gabungan.

 JANGAN kendalikan ketuhar gelombang mikro tanpa gelang pengguling dan pinggan putar.

Mengguna Buku Panduan Ini

Anda baru sahaja membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG. Buku Panduan Pemilik ini mengandungi banyak maklumat yang bernilai tentang cara-cara memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro anda.

- ***Langkah-langkah keselamatan***
- ***Aksesori dan perkakas memasak yang sesuai***
- ***Panduan memasak yang berguna***

Di bahagian kulit dalam anda akan menemui panduan carian pantas yang menerangkan empat operasi memasak yang asas:

- ***Memasak makanan***
- ***Mencair beku makanan***
- ***Menggril makanan***
- ***Menambah masa memasak***

Di bahagian hadapan buku ini anda akan menemui ilustrasi ketuhar, dan yang lebih penting lagi ialah ilustrasi panel kawalan, supaya anda boleh mencari butang-butang dengan lebih mudah.

Prosedur langkah demi langkah menggunakan tiga simbol yang berlainan.



Penting



Nota



Awas

LANGKAH BERJAGA-JAGA UNTUK MENGELAKKAN PENDEDAHAN KEPADA TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

(a) Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba menggunakan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan apa-apa benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.

(b) Jangan letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan permukaan depan atau membiarkan makanan atau sisa-sisa bahan pencuci terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan, mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.

(c) Jangan gunakan ketuhar sekiranya ia rosak sehinggalah ia telah diperbaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pengeluar. Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:
(1) Pintu, kedap pintu dan permukaan kedap
(2) Engsel pintu (pecah atau longgar)
(3) Kabel kuasa

(d) Ketuhar tidak harus diperbetulkan atau diperbaiki oleh sesiapa selain daripada juruteknik servis gelombang mikro yang berlayakan yang telah dilatih oleh pengeluar.

MA

Petunjuk penting untuk keselamatan

Baca dengan teliti dan simpanlah sebagai petunjuk.

Sebelum memasak makanan atau cecair di dalam ketuhar gelombang mikro anda, sila pastikan langkah-langkah keselamatan yang berikut diambil.

1. **JANGAN** gunakan apa-apa perkakas memasak logam di dalam ketuhar gelombang mikro:
   - Bekas logam
   - Set makan malam yang mempunyai perapi emas atau perak.
   - Pencucuk daging, garpu, dan sebagainya.

   Sebab: Arka atau percikan api elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.

2. **JANGAN** panaskan:
   - Botol, balang atau bekas kedap udara atau kedap vakum.
     Contoh) Balang makanan bayi
   - Makanan kedap udara.
     Contoh) Telur, kacang di dalam kulit, tomato

   Sebab: The increase in pressure may cause them to explode.
   Panduan: Tanggalkan penutup, cucuk kulit, beg, dan lain-lain.

3. **JANGAN** kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong.
   Sebab: Dinding ketuhar itu boleh rosak.
   Panduan: Tinggalkan segelas air di dalam ketuhar sepanjang masa. Air itu akan menyerap gelombang mikro sekiranya anda secara tidak sengaja menghidupkan ketuhar itu semasa ia kosong.

4. **JANGAN** tutup lubang-lubang pengalihudaraan di belakang ketuhar dengan kain atau kertas.
   Sebab: Kain atau kertas itu boleh terbakar kerana udara panas dilepaskan dari ketuhar.

5. **SENTIASA** gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar.
   Sebab: Sesetengah bekas menyerap gelombang mikro dan haba sentiasa dipindahkan daripada makanan kepada bekas. Oleh itu, bekas menjadi panas.

6. **JANGAN** sentuh unsur pemanasan atau dinding bahagian dalam ketuhar.
   Sebab: Dinding-dinding tersebut mungkin cukup panas untuk melecurkan kulit walaupun selepas proses memasak selesai, meskipun ia tidak kelihatan panas. Jangan biarkan bahan-bahan yang mudah terbakar bersentuhan dengan mana-mana bahagian dalam ketuhar. Biarkan ketuhar itu sejuk dahulu.

7. Untuk mengurangkan risiko kebakaran di dalam rongga ketuhar:
   - Jangan simpan bahan-bahan yang mudah terbakar di dalam ketuhar
   - Tanggalkan ikatan dawai daripada kertas atau beg plastik
   - Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro anda untuk mengeringkan surat khabar
   - Kalau ternampak asap di dalam ketuhar, biarkan pintu ketuhar tertutup dan tutup suis atau cabut palam ketuhar daripada bekalan kuasa

8. Berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi.
   - SENTIASALAH memberikan standing time sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar ditutup suisnya supaya suhunya boleh menjadi sama.
   - Kacau semasa memanaskannya, jika perlu, dan SENTIASALAH kacau selepas memanaskannya.
   - Berhati-hati apabila mengendalikan bekas selepas memanaskannya. Kulit anda mungkin melecur sekiranya bekas itu terlalu panas.
   - Wujud risiko didihan membuak-buak yang lambat berlaku.
   - Untuk mencegah didihan yang lambat berlaku dan kemungkinan kulit anda melecur, anda harus meletakkan sebatang sudu atau batang kaca ke dalam minuman dan kacau, sebelum, semasa dan selepas memanaskannya.

     Sebab: Semasa memanaskan cecair, takat didih boleh jadi lambat berlaku; ini bermakna bahawa didihan yang membuak-buak boleh bermula selepas bekas itu dikeluarkan dari ketuhar. Kulit anda mungkin melecur.
   - Sekiranya kulit melecur, ikuti panduan pertolongan cemas yang berikut:
     * Benamkan bahagian yang melecur itu di dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit.
     * Balut dengan pembalut yang bersih dan kering.
     * Jangan bubuh apa-apa krim, minyak atau losyen.
   - **JANGAN SEKALI-KALI** mengisi bekas hingga penuh dan pilih bekas yang bahagiannya lebih lebar daripada bahagian bawahnya untuk mengelakkan cecair daripada mendidih keluar. Botol yang berleher sempit juga boleh meletup kalau terlampau panas.
   - **SENTIASA** periksa suhu makanan atau susu bayi sebelum mcmberinya kepada bayi.
   - **JANGAN SEKALI-KALI** memanaskan botol bayi dengan puting dipasang padanya, kerana botol mungkin meletup sekiranya terlalu panas.

9. Berhati-hati agar tidak merosakkan kabel kuasa.
   - Jangan benamkan kabel kuasa atau palam di dalam air dan jauhkan kabel kuasa daripada permukaan yang panas.
   - Jangan kendalikan peralatan ini sekiranya kabel kuasa atau palamnya rosak.

10. Berdiri sejauh dua kaki dari ketuhar sebelum membuka pintunya.
    Sebab: Udara atau wap panas yang dibebaskan boleh melecurkan kulit.

MA

Langkah-langkah Keselamatan (sambungan)

11. Pastikan bahagian dalam ketuhar sentiasa bersih.
Sebab: Remah-remah makanan atau percikan minyak yang melekat pada dinding atau lantai ketuhar boleh mengakibatkan kerosakan cat dan mengurangkan kecekapan ketuhar itu.

12. Anda dapat mendengar bunyi "Klik" sewaktu ketuhar sedang beroperasi (terutama apabila ketuhar Anda mulai sejuk).
Sebab: Bunyi tersebut adalah normal bila aliran elektrik dipasang.

13. Apabila ketuhar gelombang mikro beroperasi tanpa sebarang muatan, kuasa akan terputus secara automatik untuk keselamatan. Anda boleh mengendalikan ketuhar ini seperti biasa selepas membiarkannya selama lebih 30 minit.

PANDUAN KESELAMATAN YANG PENTING

Semasa memasak, anda mesti melihat ke dalam ketuhar dari semasa ke semasa apabila makanan dipanaskan atau dimasak di dalam bekas-bekas pakai buang yang diperbuat daripada plastik, kertas atau bahan-bahan mudah terbakar yang lain.

MUSTAHAK


Anak-anak kecil tidak harus SEKALI-KALI dibenarkan menggunakan atau bermain dengan ketuhar gelombang mikro. Mereka juga tidak harus dibiarkan berseorangan berhampiran ketuhar gelombang mikro semasa ia sedang digunakan. Barang-barang yang menarik minat kanak-kanak tidak harus disimpan atau disembunyikan di atas ketuhar.

Memasang Ketuhar Gelombang Mikro Anda

Letakkan ketuhar anda di atas permukaan yang rata dan cukup kuat untuk menampung berat ketuhar itu.



1. Untuk keselamatan peribadi, gunakan soket 3 pin, 230 VOLT, 50 Hz, AC soket bumi. Kalau kabel kuasa ini rosak, hendaklah diganti oleh pengilang atau agen perkhidmatan atau orang yang berkelayakan untuk mengelakkan sebarang bahaya.



2. Keluarkan semua bahan pembungkusan di dalam ketuhar.
Pasangkan gelang pengguling dan pinggan putar.
Periksa untuk memastikan pinggan putar berputar dengan lancar.

3. Ketuhar gelombang mikro ini harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya soket kuasa elektriknya dapat dijangkau.

✻ **JANGAN SEKALI-KALI** menghalang lubang udara kerana ketuhar akan menjadi terlalu panas dan mati sendiri secara automatik.

✻ Untuk keselamatan peribadi, gunakan soket 3 pin, 230 VOLT, 50 Hz, AC soket bumi. Kalau kabel kuasa ini rosak, hendaklah diganti oleh pengilang atau agen perkhidmatan atau orang yang berkelayakan untuk mengelakkan sebarang bahaya.


✻ **JANGAN** pasang ketuhar gelombang mikro dalam persekitaran yang panas dan lembap seperti di sebelah ketuhar tradisional atau penyinar (radiator). Spesifikasi bekalan kuasa ketuhar mesti dipatuhi dan sebarang kabel sambungan yang digunakan mestilah daripada piawai yang sama dengan kabel kuasa yang dibekalkan bersama-sama ketuhar. Lap bahagian dalam dan pintu kedap dengan kain lembap sebelum menggunakan ketuhar gelombang mikro anda buat pertama kali.

Melaraska Masa

Ketuhar gelombang mikro anda mempunyai jam bina-dalam. Waktu boleh dipaparkan sama ada dalam putaran 24 jam atau 12 jam. Anda mesti melaraskan jam:


- ***Apabila anda mula-mula memasang ketuhar gelombang mikro anda***
- ***Selepas bekalan elektrik terputus***

✉ Jangan lupa melaraskan semula jam tersebut apabila anda beralih ke dan dari musim panas dan musim sejuk.




1.

Untuk memaparkan waktu dalam...	**Kemudian tekan butang ...**
Putaran 24 jam	Sekali
Putaran 12 jam	Dua kali



2. Laraskan jam dengan butang **h** dan minit dengan butang **min**.



3. Apabila waktu yang betul dipaparkan, tekan butang sekali lagi untuk memulakan jam.
   <u>Hasilnya :</u> Waktu dipaparkan bila anda tidak menggunakan ketuhar gelombang mikro.

Bagaimana Ketuhar Gelombang Mikro Berfungsi


MA

Gelombang mikro merupakan gelombang elektromagnet frekuensi tinggi; tenaga yang dibebaskannya membolehkan makanan dimasak tanpa mengubah bentuk dan warnanya.

Anda boleh menggunakan ketuhar gelombang mikro anda untuk:

- ***Cair Beku Automatik***
- ***Memanas Semula Segera/Memasak***
- ***Pemanas Automatik***
- ***Pengukus***
- ***Memasak***

Prinsip Memasak



1. Gelombang mikro yang dijanakan oleh magnetron disebarkan sama rata apabila makanan berputar di atas pinggan putar. Dengan itu, makanan masak sekata.
2. Gelombang mikro diserap oleh makanan dengan kedalaman sehingga lebih kurang 1 inci (2.5 cm). Proses memasak kemudian berterusan apabila haba dilesapkan di dalam makanan.
3. Masa memasak berbeza-beza menurut bahan yang digunakan dan sifat-sifat makanan:
   - Kuantiti dan ketumpatan
   - Kandungan air
   - Suhu awal (disimpan di dalam peti sejuk atau tidak)



Apabila bahagian tengah makanan dimasak oleh pelesapan haba, proses memasak berterusan walaupun anda telah mengeluarkan makanan dari ketuhar. Oleh itu, standing time yang ditetapkan dalam resipi dan dalam buku panduan ini mesti dipatuhi untuk memastikan:

- Makanan itu masak sekata hingga ke bahagian tengahnya
- Suhu yang sama pada seluruh makanan itu.

Memeriksa untuk Memastikan Ketuhar Anda Berfungsi dengan Betul

Prosedur mudah yang berikut membolehkan anda memeriksa ketuhar anda untuk memastikan ia berfungsi dengan baik sepanjang masa.

Mula-mula letakkan semangkuk air di atas pinggan putar. Kemudian tutup pintu ketuhar.



1. Tekan butang **Power level** dan laraskan masa kepada 4-5 minit dengan menekan butang **1min** berapa kali yang sesuai.



2. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya : Ketuhar memanaskan air selama 4 hingga 5 minit.
   Air itu sepatutnya sudah mendidih.



Ketuhar mesti dipasangkan pada soket dinding yang sesuai. Pinggan putar mesti diletakkan di tempatnya di dalam ketuhar. Sekiranya aras kuasa yang lain daripada aras kuasa maksimum digunakan, air mengambil masa yang lebih lama untuk mendidih.

Apa yang Perlu Dilakukan Jika Anda Merasa Ragu-ragu atau Menghadapi Masalah

Sekiranya anda menghadapi mana-mana masalah yang disenaraikan di bawah, cubalah penyelesaian yang diberikan.

◆ Ini adalah perkara biasa.
- Pemeluwapan di dalam ketuhar
- Aliran udara di sekeliling pintu dan bingkai luar
- Pantulan cahaya di sekeliling pintu dan bingkai luar
- Wap keluar dari sekeliling pintu atau lubang-lubang

◆ Ketuhar tidak hidup apabila anda menekan butang **Start**.
- Adakah pintu tertutup rapat?

◆ Makanan tidak masak langsung
- Adakah anda melaraskan penentu masa dengan betul dan/atau menekan butang **Start**?
- Adakah pintu tertutup?
- Adakah litar elektrik anda mempunyai beban lebih dan menyebabkan fius terbakar atau menyebabkan alat pemutus terpasang?

◆ Makanan sama ada terlampau masak atau kurang masak
- Adakah jangka masa memasak yang sesuai dilaraskan bagi jenis makanan itu?
- Adakah aras kuasa yang sesuai dipilih?

◆ Percikan api dan bunyi meletup-letup berlaku di dalam ketuhar (pengarkaan)
- Adakah anda menggunakan bekas yang mempunyai perapi logam?
- Adakah anda meninggalkan garpu atau perkakas logam yang lain di dalam ketuhar?
- Adakah kerajang aluminium terlalu hampir dengan dinding bahagian dalam?

◆ Ketuhar mengakibatkan gangguan dengan radio dan televisyen
- Sedikit gangguan mungkin berlaku pada televisyen dan radio apabila ketuhar dikendalikan. Ini adalah perkara biasa. Untuk menyelesaikan masalah ini, pasangkan ketuhar jauh dari televisyen, radio dan aerial.
- Sekiranya gangguan dikesan oleh mikropemproses ketuhar, paparan boleh dilaraskan semula (reset). Untuk menyelesaikan masalah ini, cabut palam kuasa dan pasang ia semula. Laraskan semula waktu.

✉ Sekiranya garis panduan di atas tidak membolehkan anda menyelesaikan masalah, hubungi wakil penjual setempat anda atau perkhidmatan selepas jualan SAMSUNG.

Memasak/Memanas Semula

Prosedur di bawah menerangkan cara memasak atau memanaskan semula makanan.

SENTIASA periksa seting memasak anda sebelum meninggalkan ketuhar tanpa jagaan.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar. Kemudian tutup pintu ketuhar.



1. Tekan butang **Power level**.
   Hasilnya : Penunjuk 900W (kuasa memasak maksimum) dipaparkan.
   Pilih aras kuasa yang sesuai dengan menekan butang **Power level** sekali lagi sehingga wattan yang sepadan dipaparkan. Rujuk jadual aras kuasa pada muka surat sebelah.



2. Laraskan masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.



3. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya : Lampu ketuhar bernyala dan pinggan putar mula berputar.
   Proses memasak bermula, dan apabila selesai, ketuhar akan berbunyi bip empat kali.

 **Jangan** sekali-kali menghidupkan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong.

 Sekiranya anda mahu memanaskan sesuatu hidangan untuk tempoh masa yang singkat pada kuasa maksimum (900W), hanya tekan butang **+30s** sekali bagi setiap 30 saat masa memasak. Ketuhar akan dihidupkan serta-merta.

Aras Kuasa

Anda boleh memilih aras kuasa di bawah.


Aras Kuasa	**Output**	
	GELOMBANG MIKRO	**GRIL**
TINGGI	900 W	
SEDERHANA TINGGI	600 W	
SEDERHANA	450 W	
SEDERHANA RENDAH	300 W	
CAIR BEKU	180 W	
RENDAH	100 W	
GRIL	-	1300 W
GABUNGAN III	600 W	1300 W
GABUNGAN II	450 W	1300 W
GABUNGAN I	300 W	1300 W

 Sekiranya anda memilih aras kuasa yang lebih tinggi, masa memasak mesti dikurangkan. Sekiranya anda memilih aras kuasa yang lebih rendah, masa memasak mesti ditingkatkan.

MA

Menghentikan Proses Memasak

Anda boleh menghentikan proses memasak pada bila-bila masa untuk memeriksa makanan.





1. Untuk berhenti sementara:
Buka pintu ketuhar.
Hasilnya : Proses memasak berhenti. Untuk menyambung semula memasak, tutup pintu ketuhar dan tekan **Start** sekali lagi.

2. Untuk berhenti sama sekali.
Tekan butang **Stop/Pause**.
Hasilnya : Proses memasak berhenti.
Sekiranya anda mahu membatalkan seting memasak, tekan butang HENTI sekali lagi.

 Anda juga boleh membatalkan mana-mana seting sebelum bermula dengan hanya menekan butang Batal **Stop/Pause**.

Melaraskan Masa Memasak

Anda boleh menambahkan masa memasak dengan menekan butang +30s sekali bagi setiap 30 saat yang hendak ditambah.




Tekan butang **+30s** sekali bagi setiap 30 saat yang hendak ditambah.

 Gunakan perkakas yang selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro sahaja.

Mengguna Ciri Memanas Semula/Memasak Segera

Dengan ciri Memanas Semula dan Memasak Segera (Instant Reheat/ Cook), masa memasak dilaraskan secara automatik dan anda tidak perlu menekan butang Start/+30s. Anda boleh melaraskan bilangan hidangan dengan menekan butang Memanas Semula dan Memasak Segera berapa kali yang diperlukan.

Mula-mula, letakkan makanan di tengah-tengah pinggan putar dan tutup pintu ketuhar.



Tekan butang Memanas Semula dan Memasak Segera yang anda mahu berapa kali yang diperlukan.

Hasilnya : Proses memasak bermula selepas dua saat. Apabila ia telah selesai:

1) Ketuhar berbunyi bip empat kali.
2) Isyarat peringatan akhir akan berbunyi 3 kali (sekali setiap minit).
3) Masa dan lama penggunaan akan tertera, setelah membuka pintu dan menekan butang **Stop/Pause**.

Contoh: Tekan butang “MEE SEGERA” (🍜) sebanyak dual kali utnuk memasak 300 gram mee segera. Rujuklan jadual di muka surat sebelah untuk keterangan lebih lanjut.

 Gunakan perkakas yang selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro sahaja.

Seting Memanas Semula/Memasak Segera

Berikut ini adalah jadual yang menunjukkan berbagai-bagai program untuk memanaskan dan memasak , jumlah bahan yang digunakan dan waktu yang diperlukan serta berbagai-bagai hal lain yang perlu diperhatikan.


Makanan/ Butang	Saiz Hidangan	Standing Time	Cadangan
Nasi	**1 hidangan** nasi : 100g air : 170ml **2 hidangan** nasi : 200 g air : 340 ml **3 hidangan** nasi : 300 g air : 500 ml	5 minit.	Basuh beras dan toskan. Rendam beras dengan air dalam mangkuk selama 30 minit. Tutuplah selama sedang memasak dan kacau sebelum dimasak dan biarkan.
Congee	**1 hidangan** nasi : 50 g water : 750 ml **2 hidangan** nasi : 100 g air : 1300 ml	-	Basuh beras dan toskan. Rendam beras dalam semangkuk air selama 30 minit. Masak mee segera dan jangan ditutup.
Instant Noodle	**1 hidangan** nasi :80 g air : 250 ml **1 hidangan** nasi : 160 g air : 500 ml	-	Memasukkan mee segera dalam mangkuk. Tambahkan air. Tutuplah sewaktu memasak dan biarkan. Kacau dan biarkan.
Makanan pedas	300 - 350 g 400 - 450 g	-	Letakkan makanan dingin di dalam pinggan dan tutuplah sewaktu memasak dan biarkan. Kacau dan biarkan.
Sayur segar	200 - 250 g 300 - 350 g 400 - 450 g 500 - 550 g	-	Basuh sayuran segar. Masukkan sayuran segar ke dalam mangkuk. Tutup sewaktu memasak dan biarkan.
Pop Corn	Gunakan beg pop corn ketuhar gelombang mikro.(setiap beg dapat memuat 80-100g)	5 minit.	Jangan lipat beg tersebut dan letakkan ia di tengah ketuhar pada bahagian kanan.
Kaki ayam	200 g 400 g 600 g	5 minit.	Sapukan potongan ayam dengan minyak dan tambahkan rempah seperti lada sulah dan sebagainya. Letakkan potongan ayam tadi dengan bahagian bertulang di atas rak ketuhar. Bila Anda mendengar bunyi BEEP, balikkan dan sapu dengan minyak.
Daging/ Kambing Panggang	180-250 g 350-430 g 550-630 g	5 minit.	Sapukan dengan sos A1(sos stik) , Sos Kacang Soya, lada sulah, gula, bawang dan biarkan selama 15 minit. Siat-siatkan daging dengan garfu sebelum di sapukan rempah, supaya daging empuk. Bila Anda mendengar bunyi beeps, balikkan daging dan sapukan lagi dengan rempah.
Potongan Daging bakar	50-80 g 100-130 g 150-180 g	5 minit.	Sapukan daging dengan sos A1(sos stik), sos Kacang Soya, lada sulah, bawang untuk selama 30 minit. Siatkan daging sebelum dilumurkan sos dan rempah, agar daging lebih empuk. Bila Anda mendengar bunyi beeps, balikkan dan sapukan lagi dengan sos dan rempah.

Mengguna Ciri Cair Beku Automatik (Auto Defrost)

Ciri Cair Beku Automatik membolehkan anda mencair beku daging, ayam, ikan atau roti/kek. Masa cair beku dan aras kuasa dilaraskan secara automatik. Anda hanya perlu memilih program dan beratnya sahaja.

✉ Gunakan bekas yang selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro sahaja.

Mula-mula letakkan makanan dingin beku di tengah-tengah pinggan putar dan tutup pintu ketuhar.



1. Tekan butang **Auto Defrost**.
   Tekan butang **Auto Defrost** sekali atau lebih daripada sekali menurut jenis makanan yang akan dicairbekukan. Rujuk jadual pada muka surat sebelah untuk maklumat lanjut.

Kg 公斤
g 公克

2. Pilih berat dengan menekan butang **kg** dan **g** seperti yang dikehendaki.

Start /+30s 開始/+30秒

3. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya :
   - Proses mencair beku bermula.
   - Ketuhar berbunyi bip separuh jalan untuk mengingatkan anda supaya membalikkan makanan itu.
   - Tekan butang **Start** sekali lagi untuk menamatkan proses mencair beku.

✉ Anda juga boleh mencair beku makanan secara manual. Untuk berbuat demikian, pilih fungsi memasak/memanas semula gelombang mikro dengan aras kuasa 180W. Rujuk bahagian yang bertajuk "Memasak/Memanas Semula" pada muka surat 9 untuk maklumat lanjut.

Seting Cair Beku Automatik

Jadual yang berikut menunjukkan pelbagai program Cair Beku Automatik, kuantiti, 'standing time' dan cadangan-cadangan yang sesuai.

Tanggalkan segala jenis bahan pembungkus sebelum mencair beku. Letakkan daging, ayam, dan ikan di atas pinggan putar.

Makanan	Jenis Hidangan	Standing Time	Cadangan
1. Daging	0.2-2 kg	20-60 min	Balut bahagian-bahagian tepi dengan kerajang aluminium. Balikkan daging apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk daging lembu, kambing, babi, stik, potongan daging (chop) dan daging cincang.
2. Ikan	0.2-2 kg	20-50 min	Balut ekor ikan dengan kerajang aluminium. Balikkan ikan apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk ikan yang tidak dipotong dan filet ikan.
3. Ayam	0.2-2 kg	20-60 min	Balut hujung kaki dan kepak dengan kerajang aluminium. Balikkan ayam apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ayam yang tidak dipotong dan ayam yang dipotong-potong.

Menggunakan Ciri Pemanasan Automatik

Program pemanasan automatik mempunyai 3 set waktu sebelum pengendalian. Anda tidak perlu untuk mengatur sama ada waktu memasak atau tahap kuasa elektrik.

Jumlah hidangan yang tersedia akan secara automatik mengatur pada angka satu atau boleh ditukar dengan menyentuh butang jumlah hidangan/ butang 10s.

Mula-mula letakkan makanan ditengah pinggan putar.



1. Pilih jenis makanan yang hendak di masak dan tekan butang **Auto Reheat** sekali atau beberapa kali.



2. Pilih besar hidangan dengan menekan butang **serving/ 10s** (Rujuk jadual di muka surat sebelah).



3. Tekan butang **Start**.

Hasilnya: Pengendalian masak akan dimulai setelah kira-kira dua saat.. Bila telah selesai:

1) Ketuhar akan berbunyi beeps empat kali.
2) Peringatan terakhir akan membunyikan beeps sebanyak tiga kali. (sekali setiap minit).
3) Lama waktu pemakaian akan tertera lagi.

Seting Pemanasan Automatik

Jadual berikut ini akan menunjukkan berbagai-bagai jenis program pemanasan automatik, kuantiti dan lama waktu memasak serat berbagai hal yang diperlukan yang lain.

Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Standing Time	Cadangan
1. Makanan siap masak	300-350 g 400-450 g	3 minit.	Letakkan di dalam pinggan keramik dan tutuplah dengan plastik lekap (cling film) Program ini sesuai untuk hidangan yang mengandung tiga bahan (daging dengan sos, sayuran. dan makanan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta).
2. Sup/ Sos	200-250 ml 300-350 ml 400-450 ml 500-550 ml	1-2 minit.	Letakkan dalam mangkuk atau pinggan sup keramik, tutp ketika memanaskan dan biarkan. Kacau dengan teliti sebelum memasak dan selepas memasak.
3. Minuman	150 ml 250 ml	1-2 minit.	Keluarkan kopi, susu, air dari peti ais, tutp dan panaskan.

MA

Menggunakan Ciri Pengukus

Untuk memasak yis tekan butang Steam Cook sekali.

Untuk memasak roti, tekan butang Steam Cook dua kali.

Untuk memasak ikan tekan butang Steam Cook tiga kali.

Mula-mula, letakkan makanan/hidangan di tengah pinggan putar. Kemuadian tutup pintu..



1. Pilih jenis makanan yang hendak dimasak dengan menekan butang **Steam Cook** sekali atau lebih.



2. Pilih besar hidangan dengan menekan butang **serving/ 10s** (Rujuk jadual di muka surat sebelah).



3. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya: Pengendalian masak akan dimulai setelah kira-kira dua saat.. Bila telah selesai:
   1) Ketuhar akan berbunyi beeps empat kali.
   2) Peringatan terakhir akan membunyikan beeps sebanyak tiga kali. (sekali setiap minit).
   3) Lama waktu pemakaian akan tertera lagi.

Seting Pengukus

Jadual berikut ini menunjukkan berbagai-bagai jenis program pemanasan automatik, kuantiti dan lama waktu memasak yang diperlukan.


Kod/Makanan	Saiz Hidangan	Standing Time	Cadangan
1. Beku dingin	150 g 300 g 450 g	1 minit.	Potong kedua-dua hujung paket dan letakkan dalam mangkuk yang rendah. Atur yis atau roti dari luar ke dalam.. Tutuplah ketika sedang memasak dan biarkan.
2. Roti	150 g 300 g 450 g	1 minit.	Potong kedua-dua hujung paket dan letakkan dalam mangkuk yang rendah . Atur yis atau roti dari luar ke dalam. Tutuplah ketika sedang memasak dan biarkan.
3. Ikan	200 g 400 g 600 g	1 minit.	Basuh ikan dengan betul, potong kepada bebrapa potongan di atas badan ikan, keluarkan mata ikan. Lumurkan ikan dengan sos dan tambahkan dengan rempah yang disuaki seperti halia, cendawan dan lain-lain. Letakkan dalam mangkuk rendah, tutup ketika memasak dan biarkan. Aduk rata dan biarkan.


Memilih Kedudukan Unsur Pemanasan

Unsur pemanasan digunakan apabila menggril. Ia boleh diletakkan dalam satu atau dua kedudukan:

- ***Kedudukan mendatar untuk menggril atau memasak gabungan gelombang mikro + gril***

 Ubah kedudukan unsur pemanasan hanya apabila ia telah sejuk dan jangan gunakan paksaan yang keterlaluan apabila meletakkannya dalam kedudukan menegak.






Untuk melaraskan unsur pemanasan kepada...	**Oleh itu....**
Kedudukan mendatar (gril atau gabungan gelombang mikro +gril)	◆ Tarik unsur pemanasan ke arah anda ◆ Tolak ke atas sehingga ia selari dengan bumbung ketuhar
Apabila membersihkan bahagian atas di dalam ketuhar, lebih menyenangkan kalau pemanas ditarik ke bawah sebanyak 45° terlebih dahulu dan kemudian membersihkannya.	

Memilih Aksesori

Gunakan perkakas yang selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro; jangan gunakan bekas atau pinggan plastik, cawan kertas atau kertas dapur, dan sebagainya.



Sekiranya anda mahu memilih mod memasak gabungan (gril dan gelombang mikro), gunakan bekas yang selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro dan tahan ketuhar. Perkakas dan peralatan memasak logam boleh merosakkan ketuhar anda.

 Untuk maklumat lanjut mengenai perkakas dan peralatan memasak yang sesuai, rujuk Panduan Perkakas Memasak pada muka surat 19.

MA


MA

Menggril


Gril membolehkan anda memanaskan atau memerangkan makanan dengan cepat tanpa menggunakan gelombang mikro. Untuk tujuan ini, sebuah rak gril (rak logam) dibekalkan bersama dengan ketuhar gelombang mikro anda.



1. Panaskan gril terlebih dahulu kepada suhu yang dikehendaki dengan menekan butang **Grill** dan kemudian tekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.



2. Buka pintu ketuhar dan letakkan makanan di atas rak.



3. Tekan butang **Grill**. Pilih masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.



4. Tekan butang **Start**.

 Jangan bimbang sekiranya pemanas hidup dan mati semasa menggril. Sistem ini direka bentuk untuk mencegah ketuhar daripada menjadi terlampau panas.

 Sentiasalah gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia akan menjadi terlalu panas.


 Periksa untuk memastikan unsur pemanasan berada dalam kedudukan mendatar.

Menggabungkan Gelombang Mikro dan Gril


Anda juga boleh menggabungkan gelombang mikro dan gril untuk memasak dengan cepat dan memerang pada masa yang sama.

 SENTIASALAH gunakan perkakas memasak yang tahan ketuhar dan selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro. Bekas kaca atau seramik adalah sangat sesuai kerana ia membolehkan gelombang mikro menembusi makanan dengan sekata.

 SENTIASALAH gunakan sarung tangan ketuhar apabila menyentuh bekas di dalam ketuhar kerana ia akan menjadi sangat panas.



1. Pastikan unsur pemanasan dalam kedudukan mendatar; rujuk muka surat 25 untuk maklumat lanjut.



2. Buka pintu ketuhar dengan menekan butang besar di penjuru bawah kanan panel kawalan. Letakkan makanan di atas rak dan letakkan rak di atas pinggan putar. Tutup pintu ketuhar.



3. Tekan butang **Combi**.
   - Pilih aras kuasa yang sesuai dengan menekan butang **Combi** sekali lagi sehingga aras kuasa yang sepadan dipaparkan.
   - Anda tidak boleh melaraskan suhu gril.



4. Laraskan masa memasak dengan menekan butang **10min**, **1min** dan **10s**.



5. Tekan butang **Start**.
   Hasilnya : Masakan di gabung bermula.
   Apabila masa memasak tamat, ketuhar berbunyi bip empat kali.

 Kuasa maksimum bagi mod gabungan gelombang mikro dan gril ialah 600W.

Memasak Berbilang Tahap

Ketuhar gelombang mikro anda boleh diprogramkan untuk memasak makanan sehingga dalam empat tahap.


Contohnya : Anda mahu mencair beku makanan dan memasaknya tanpa perlu melaraskan semula selepas setiap tahap. Oleh itu, anda boleh mencair beku dan memasak 500g ikan dalam empat tahap:

- ***Mencair beku***
- ***Masak I***
- ***Masak II***

✉ Anda boleh melaraskan di antara dua dan empat tahap dalam memasak berbilang tahap.

✉ Kalau anda melaraskan empat tahap, tahap pertama mestilah mencair beku dan tahap kedua mestilah masa biar.

✉ Jangan tekan butang **Start** sehinggalah anda telah melaraskan tahap terakhir.



1. Tekan butang **Auto Defrost** sekali atau lebih daripada sekali.
   (ikan dalam contoh ini)



2. Laraskan beratnya dengan menekan butang **kg** dan **g** berapa kali yang sesuai (500g dalam contoh ini).



3. Tekan butang **Power Level**.
   Mod gelombang mikro(I);
   ⊿ **Power level**;jika perlu, laraskan aras kuasa dengan menekan sekali lagi butang sekali atau lebih daripada sekali (600W dalam contoh ini)



4. Laraskan masa memasak dengan menekan butang 10min, 1min dan 10s berapa kali yang sesuai (4 minit dalam contoh ini).



5. Tekan butang **Grill**.
   Mod Bakar(Grill) (II)



6. Laraskan masa memasak dengan menekan butang 10min, 1min dan 10s berapa kali yang sesuai (5 minit dalam contoh ini).
   (Waktu maksimum utnuk membakar adalah selama 60 minit.)



7. Tekan butang **Start**.
   <u>Hasilnya :</u> Empat mod (cair beku, standing time dan memasak (I, II) dipilih satu demi satu. Menurut mod cair beku yang telah anda pilih, ketuhar akan membunyikan bip pada separuh masa anda mencair beku untuk mengingatkan anda supaya membalikkan makanan.
   ◆ Apabila proses measak selesai, ketuhar berbunyi bip empat kali.

MA

Menutup Pembunyi Bip

Anda boleh menutup pembunyi bip bila-bila masa saja anda mahu.



1. Tekan butang **Stop/Pause** dan butang **Start** secara serentak.
Hasilnya: Keadaan berikut ini dipaparkan.

OFF

◆ Ketuhar tidak akan berbunyi beeps setiap kali Anda menekan butang atau telah selesai memasak.



2. Untuk memasang semula beeper, tekan butang **Stop/ Pause** dan **Start** sekali lagi secara serentak.
Hasilnya : Keadaan berikut ini dipaparkan.

On

◆ Ketuhar berfungsi dengan pembunyi bipnya terpasang semula.

Mengunci Ketuhar Gelombang Mikro Anda Untuk Keselamatan

Ketuhar gelombang mikro dipasang dengan program Keselamatan Kanak-kanak khas yang membolehkan ketuhar ini 'dikunci' supaya kanak-kanak atau sesiapa saja yang tidak biasa dengannya tidak boleh memasangnya dengan tidak sengaja.

Ketuhar ini boleh dikunci pada bila-bila masa sahaja.



1. Tekan butang **Stop/Pause** dan Jam secara serentak.
Hasilnya : Ketuhar terkunci (tiada fungsi yang boleh dipilih).

◆ Huruf "L" akan dipaparkan.


L



2. Untuk membuka ketuhar, tekan **Stop/Pause** dan Jam sekali lagi secara serentak.
Hasilnya : Ketuhar boleh digunakan seperti biasa.

Fungsi Mengingat

Untuk kemudahan anda, ketuhar ini mengingati mod memasak yang terakhir.



1. Tambahkan masa memasak menggunakan butang **10min**, **1min** dan **10s**.



2. Tekan butang **Start**.



- Apabila proses memasak selesai, isyarat peringatan akhir akan membunyikan bip 3 kali (sekali setiap minit). Selepas itu, mod memasak akan di "LARASKAN SEMULA" (reset) dan ketuhar akan terlupa mod memasak yang terakhir itu.
- Sekiranya tiada pengendalian selepas pintu ketuhar dibuka dan ditutup sekali, mod memasak akan di "LARASKAN SEMULA" selepas 30 saat.
- Tekan butang **Stop/Pause** dan kemudian mod memasak akan diLARASKAN SEMULA (RESET).

Panduan Perkakas Memasak

Untuk memasak makanan di dalam ketuhar gelombang mikro, gelombang mikro mesti dapat menembusi makanan, tanpa dipantulkan atau diserap oleh bekas yang digunakan.

Oleh itu, anda mestilah berhati-hati apabila memilih perkakas memasak. Sekiranya perkakas memasak itu ditanda selamat digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro, anda tidak perlu khuatir.

Jadual berikut menyenaraikan pelbagai jenis perkakas memasak dan menunjukkan sama ada ia boleh dan bagaimana ia harus digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro.

Perkakas Memasak	Selamat Di Dalam Gelombang Mikro	Komen
Kerajang aluminium	✓ ✗	Boleh digunakan dalam kuantiti yang kecil untuk melindungi bahagian-bahagian tertentu daripada menjadi terlampau masak. Pengarkaan boleh berlaku sekiranya kerajang itu terlalu dekat dengan dinding ketuhar atau sekiranya terlalu banyak kerajang digunakan.
Pinggan memerang (browning plate)	✓	Jangan memanaskan terlebih dahulu lebih dari pada lapan minit.
Barang tembikar dan tanah liat	✓	Barang porselin, barang tembikar dan tanah liat berglis biasanya sesuai, kecuali kalau dihias dengan perapi logam.
Bekas kadbod poliester pakai buang	✓	Sesetengah makanan dingin beku dibungkus di dalam bekas ini.
Pembungkus makanan segera		
• Cawan/bekas polistirena	✓	Boleh digunakan untuk memanaskan makanan. Terlampau panas boleh menyebabkan polistirena itu lebur.
• Beg kertas atau surat khabar	✗	Boleh terbakar.
• Kertas kitar semula atau perapi logam	✗	Boleh menyebabkan pengarkaan.
Perkakas kaca		
• Perkakas dari ketuhar ke meja	✓	Boleh digunakan, kecuali kalau dihias dengan perapi logam.
• Perkakas kaca halus	✓	Boleh diguna untuk memanaskan makanan atau cecair. Kaca yang mudah pecah mungkin pecah atau retak sekiranya dipanaskan dengan mengejut.
• Balang kaca	✓	Mesti keluarkan penutup. Sesuai untuk pemanasan sahaja.
Logam		
• Bekas	✗	Punca utama berlakunya pengarkaan atau kebakaran.
• Beg pendingin beku diikat pulas	✗	
Kertas		
• Pinggan, cawan, napkin dan kertas dapur	✓	Untuk masa memasak yang pendek dan memanas. Juga untuk menyerap lembapan yang berlebihan.
• Kertas kitar semula	✗	Boleh menyebabkan pengarkaan.
Plastik		
• Bekas	✓	Terutamanya kalau termoplastik yang tahan panas. Beberapa plastik lain boleh meleding atau berubah warna pada suhu yang tinggi. Jangan gunakan plastik melamin.
• Plastik lekap (cling film)	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan. Berhati-hati apabila menanggalkan plastik lekap kerana wap panas akan keluar.
• Beg pendingin beku	✓ ✗	Hanya kalau boleh direbus atau tahan ketuhar. Tidak harus kedap udara. Cucuk dengan garpu, jika perlu.
Kertas lilin atau kertas minyak	✓	Boleh digunakan untuk mengekalkan lembapan dan mengelakkan percikan.

MA

MA

GELOMBANG MIKRO

Tenaga gelombang mikro sebenarnya menembusi makanan, ditarik dan diserap oleh kandungan air, lemak dan gulanya.
Gelombang mikro menyebabkan molekul-molekul di dalam makanan bergerak dengan pantas. Pergerakan molekul-molekul yang pantas ini mewujudkan geseran dan haba yang terhasil memasak makanan.

MEMASAK

Perkakas memasak untuk gelombang mikro:

Perkakas memasak mesti membolehkan tenaga gelombang mikro meresap masuk melaluinya untuk kecekapan maksimum. Gelombang mikro dipantulkan oleh logam, seperti keluli tahan karat, aluminium dan tembaga, tetapi ia boleh menembusi seramik, kaca, porselin dan plastik serta kertas dan kayu. Jadi makanan tidak boleh sekali-kali dimasak di dalam bekas logam.

Makanan yang sesuai dimasak menggunakan gelombang mikro:

Banyak jenis makanan sesuai untuk gelombang mikro, termasuk sayur-sayuran segar atau dingin beku, buah-buahan, pasta, nasi, bijian, kekacang, ikan, dan daging. Sos, kastard, sup, puding kukus, jeruk, dan cutni juga boleh dimasak di dalam ketuhar gelombang mikro. Pada umumnya, memasak menggunakan gelombang mikro adalah ideal untuk sebarang jenis makanan yang biasanya dimasak di atas hob. Sebagai contohnya, mencairkan mentega atau coklat (lihat bab mengenai panduan, teknik dan petua).

Menutup makanan semasa memasak

Menutup makanan semasa memasak adalah sangat penting kerana air yang tersejat naik sebagai wap dan menyumbang kepada proses memasak. Makanan boleh ditutup dalam pelbagai cara; contohnya, dengan pinggan seramik, penutup plastik atau plastik lekap yang sesuai digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro.

Masa Biar

Selepas memasak selesai, masa biar adalah penting untuk membolehkan suhu menjadi sekata di dalam makanan.

Panduan memasak untuk sayur-sayuran dingin beku

Gunakan mangkuk kaca Pyrex berpenutup yang sesuai. Masak dengan ditutup untuk masa minimum - lihat jadual. Terus memasak untuk mendapatkan hasil yang anda ingini.
Kacau dua kali semasa memasak dan sekali selepas memasak. Masukkan garam, herba atau mentega selepas memasak. Tutup semasa masa biar.

Makanan	Kuantiti	Kuasa	Masa (min.)	Standing Time (min.)	Instructions
Bayam	150g	600W	5-6	2-3	Masukkan 15ml (1 sudu besar) air sejuk.
Brokoli	300g	600W	8-9	2-3	Masukkan 30ml (2 sudu besar) air sejuk.
Kacang pis	300g	600W	7-8	2-3	Masukkan 15ml (1 sudu besar) air sejuk.
Kacang hijau	300g	600W	7½-8½	2-3	Masukkan 30ml (2 sudu besar) air sejuk.
Sayur-sayuran Campur (lobak merah/ kacang pis/ jagung)	300g	600W	7-8	2-3	Masukkan 15ml (1 sudu besar) air sejuk.
Sayur-sayuran Campur (cara Cina)	300g	600W	7½-8½	2-3	Masukkan 15ml (1 sudu besar) air sejuk.

Panduan memasak untuk sayur-sayuran segar

Gunakan mangkuk kaca Pyrex berpenutup. Masukkan 30-45ml air sejuk (2-3 sudu besar) bagi setiap 250g kecuali kuantiti air yang lain disyorkan - lihat jadual. Masa dengan ditutup untuk masa minimum - lihat jadual. Teruskan memasak untuk mendapatkan hasil yang anda ingini. Kacau sekali semasa memasak dan sekali selepas memasak. Masukkan garam, herba atau mentega selepas memasak. Tutup semasa masa biar, iaitu selama 3 minit.

Petua: Potong sayur-sayuran segar kepada saiz yang sama besar. Semakin kecil ia dipotong, semakin cepatlah ia masak.

Semua sayuran segar mesti dimasak menggunakan kuasa gelombang mikro maksimum (900 W).

Makanan	Kuantiti	Masa (min.)	Standing Time (min.)	Arahan
Brokoli	250g 500g	3½-4 6-7	3	Potong bunga-bunga dalam saiz yang sama besar. Aturkan batang menghala ke tengah.
Kubis Brussels	250g	5-5½	3	Masukkan 60-75ml (5-6 sudu besar) air.
Lobak Merah	250g	3½-4	3	Potong lobak merah kepada saiz yang sama besar.
Bunga Kubis	250g 500g	4-4½ 6½-7½	3	Potong bunga-bunga dalam saiz yang sama besar. Potong bunga yang besar kepada dua bahagian. Atur batang menghala ke tengah.
Courgettes	250g	3-3½	3	Hiris courgettes. Masukkan 30ml (2 sudu besar) air atau seketul kecil mentega. Masak sehingga lembut.
Terung	250g	2½-3	3	Hiris terung kepada kepingan yang kecil dan renjiskan 1 sudu besar jus lemon.
Lik	250g	3-3½	3	Hiris lik kepada kepingan yang tebal.
Cendawan	125g 250g	1-1½ 2-2½	3	Sediakan cendawan kecil yang tidak dipotong atau dipotong. Jangan tambah air. Renjiskan jus lemon. Masukkan garam dan lada sulah. Ditus sebelum dihidangkan.
Bawang	250g	4-4½	3	Hiris bawang atau potong dua. Masukkan 15ml (1 sudu besar) air sahaja.
Lada Benggala	250g	3½-4	3	Potong lada benggala kepada kepingan yang kecil.
Ubi Kentang	250g 500g	3-4 6-7	3	Timbang ubi kentang yang telah dibuang kulit nya dan potong kepada saiz yang sama besar, dibelah dua atau empat.
Lobak Putih	250g	4½-5	3	Lobak putih dipotong dadu kecil-kecil.

MA

Panduan memasak untuk nasi dan pasta

Nasi: Gunakan mangkuk kaca Pyrex yang besar dan berpenutup - nasi menjadi dua kali ganda banyaknya semasa memasak. Masak dengan ditutup.
Selepas masa memasak tamat, kacau sebelum standing time dan masukkan garam atau herba dan mentega.
Nota: Nasi mungkin tidak menyerap semua air selepas masa memasak tamat.

Pasta: Gunakan mangkuk kaca Pyrex yang besar. Masukkan air mendidih, secubit garam dan kacau hingga sebati. Masak dengan tidak ditutup.
Kacau sekali-sekala semasa dan selepas memasak. Tutup semasa standing time dan dituskan betul-betul selepas itu.

Makanan	Kuantiti	Kuasa	Masa (min.)	Standing Time (min.)	Arahan
Beras Putih (dimasak separuh empuk)	250g 375g	900W	15-16 17½-18½	5	Masukkan 500 ml air sejuk. Masukkan 750 ml air sejuk.
Beras Ceruh (dimasak separuh empuk)	250g 375g	900W	20-21 22-23	5	Masukkan 500 ml air sejuk. Masukkan 750 ml air sejuk.
Beras Campur (beras + beras liar)	250g	900W	16-17	5	Masukkan 500 ml air sejuk.
Jagung Campur (beras + bijian)	250g	900W	17-18	5	Masukkan 400 ml air sejuk.
Pasta	250g	900W	10-11	5	Masukkan 1000 ml air panas

MEMANAS SEMULA

Ketuhar gelombang mikro anda akan memanaskan semula makanan dalam masa yang jauh lebih singkat daripada yang biasa diambil oleh hob ketuhar konvensional.
Gunakan aras kuasa dan masa memanas semula dalam carta berikut sebagai panduan. Masa dalam carta mengambil kira cecair dengan suhu bilik lebih kurang +18 hingga +20°C atau makanan dingin dengan suhu lebih kurang +5 hingga +7°C.

Menyusun dan menutup

- Elakkan daripada memanaskan semula bahan-bahan besar seperti seketul besar daging - ia mudah menjadi terlampau masak dan kering sebelum bahagian tengahnya menjadi panas menggelegak. Memanaskan semula makanan yang telah dipotong kecil-kecil adalah lebih berhasil.

Aras kuasa dan mengacau

- Sesetengah makanan boleh dipanaskan semula menggunakan kuasa 900W manakala yang lain-lain harus dipanaskan semula menggunakan kuasa 600W, 450W ataupun 300W.
Semak jadual sebagai panduan. Secara amnya, lebih baik memanaskan semula makanan menggunakan aras kuasa yang lebih rendah sekiranya makanan itu tidak terlalu perisa dan dalam kuantiti yang banyak, kalau tidak kemungkinan ia akan menjadi panas terlalu cepat (contohnya, pai daging kisar)
- Kacau hingga sebati atau balikkan makanan semasa memanaskan semula untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Kacau sekali lagi sebelum dihidangkan, jika boleh.
Berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Untuk mengelakkan didihan cecair yang membuak-buak dan kemungkinan kulit anda melecur, kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskannya. Biarkan ia di dalam ketuhar gelombang mikro semasa standing time. Kami mengesyorkan anda meletakkan sebatang sudu plastik atau batang kaca ke dalam cecair itu.
Elakkan memanaskan makanan terlampau lama (dan dengan itu merosakkannya).
Lebih baik menganggar kurang masa memasak dan menambah masa memanas tambahan, jika perlu.

Memanas dan masa biar

- Apabila memanaskan semula makanan buat pertama kali, elok sekiranya anda membuat catatan masa yang diambil - untuk rujukan masa hadapan.
Sentiasa pastikan bahawa makanan yang dipanaskan semula itu panas menggelegak keseluruhannya.
Biarkan makanan sebentar selepas memanas semula - untuk membolehkan suhunya menjadi sekata. Standing time yang disyorkan selepas memanas semula ialah 2-4 minit, kecuali masa yang lain disyorkan dalam carta.
Berhati-hati apabila memanaskan cecair dan makanan bayi. Lihat juga bab yang menerangkan tentang langkah-langkah keselamatan.

MEMANASKAN SEMULA CECAIR

Sentiasa berikan standing time sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan untuk membolehkan suhu ketuhar menjadi sekata. Kacau semasa memanaskannya, jika perlu, dan SENTIASALAH kacau selepas memanaskannya. Untuk mengelakkan didihan yang membuak-buak dan kemungkinan kulit anda melecur, anda harus meletakkan sebatan sudu plastik atau batang kaca ke dalam minuman dan kacau sebelum, semasa dan selepas memanaskannya.

MEMANASKAN SEMULA MAKANAN BAYI

MAKANAN BAYI:

Tuangkan makanan bayi ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan tudung plastik. Kacau hingga sebati selepas dipanaskan semula. Biarkan selama 2-3 minit sebelum dihidangkan. Kacau sekali lagi dan periksa suhunya. Suhu menghidang yang disyorkan ialah di antara 30-40°C.

SUSU BAYI:

Tuangkan susu ke dalam botol kaca yang telah disterilkan. Panaskan semula tanpa ditutup. Jangan sekali-kali memanaskan botol bayi tanpa menanggalkan putingnya kerana botol boleh meletup kalau terlampau panas. Goncang betul-betul sebelum standing time dan sekali lagi sebelum dihidangkan. Sentiasalah semak suhu susu atau makanan bayi dengan teliti sebelum memberikannya kepada bayi. Suhu menghidang yang disyorkan ialah 37°C.

NOTA:

Makanan bayi amat perlu diperiksa dengan teliti sebelum dihidangkan untuk mengelakkan kulit melecur.
Gunakan aras kuasa dan masa dalam jadual pada muka surat sebelah sebagai garis panduan untuk memanas semula.

<u>Panduan untuk Memanas Semula Dua Hidangan</u>

Gunakan aras kuasa dan masa dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanas semula.

Makanan	Kuantiti	Kuasa	Masa (min.)	Standing Time (min.)	Arahan
Sup (dingin)	2 x 250g 2 x 350g	900 W	3½-4½ 5-6	2-3	Tuang ke dalam dua biji pinggan seramik yang dalam dan tutup. Letakkan sebiji pinggan terus di atas pinggan putar, dan sebiji lagi di atas rak. Kacau sebati selepas dipanas semula. Kacau sekali lagi sebelum dihidangkan.
Kari Ayam & Nasi (dingin)	2 x 350g	600W	7-8½	3	Letakkan dua hidangan yang men\gandungi 2 komponen dingin di dalam dua biji pinggan seramik. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Letakkan sebiji pinggan terus di atas pinggan putar dan sebiji lagi di atas rak.
Hidangan Sedia (dingin)	2 x 350g	600W	7½-9	3	Letakkan dua hidangan yang men gandungi 2-3 komponen dingin di dalam dua biji pinggan seramik leper. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Letakkan sebiji pinggan terus di atas pinggan putar dan sebiji lagi di atas rak.

Panduan Memasak (sambungan)

Memanaskan Semula Cecair dan Makanan

Gunakan aras kuasa dan masa dalam jadual ini sebagai garis panduan untuk memanas semula.

Makanan	Kuantiti	Kuasa	Masa (min.)	Standing Time (min.)	Arahan
Minuman (kopi, susu, tea, air dengan suhu bilik)	150 ml (1cawan) 300 ml (2cawan) 450 ml (3cawan) 600 ml (4cawan)	900W	1-1½ 1½-2 2½-3 3-3½	1-2	Tuangkan dalam cawan keramik dan panaskan tanpa ditutup. Letakkan satu cawan di tengah tengah piring putar, dan 2 cawan yang lain secara bertentangan antara satu sama lain, dan tiga atau empat yang lain secara berkeliling. Aduk perlahan-lahan sebelum dan sesudah memasak, berhati-hatilah ketika mengeluarkannya dari ketuhar setelah selesai memasak.
Sup (dingin)	250g 350g 450g 550g	900W	2-2½ 2½-3 3-3½ 3½-4	2-3	Tuang ke dalam pinggan atau mangkuk seramik yang dalam. Tutup dengan tudung plastik. Kacau sebati selepas dipanaskan semula. Kacau sekali lagi sebelum dihidangkan
Stew (dingin)	350g	600W	4½-5½	2-3	Letakkan stew di dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan tudung plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanas semula dan sekali lagi sebelum dibiarkan dan dihidangkan.
Pasta dengan (dingin)	350g	600W	3½-4½	3	Letakkan pasta (contohnya, spageti atau mi telur) ke dalam pinggan seramik leper. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Kacau sebelum dihidangkan.
